

Kuala Lumpur Dipilih Tuan Rumah Sidang IOC Ke-127 Pada 2015
Bernama
26 Julai, 2012

KUALA LUMPUR, 26 Julai (Bernama) -- Kuala Lumpur dipilih sebagai tuan rumah sidang Jawatankuasa Olimpik Antarabangsa (IOC) ke-127 pada tahun 2015, kata Menteri Belia dan Sukan Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek.

Beliau berkata keputusan tersebut dicapai selepas dipersetujui sebulat suara dalam sidang IOC ke-124 yang telah dipengerusikan Presiden IOC, J Rogge di London, Khamis.

"Keputusan dibuat selepas semua anggota IOC berpuashati dengan pembentangan Malaysia mengenai keupayaan Kuala Lumpur menjadi tuan rumah," katanya dalam kenyataan di sini Khamis.

Selain Shabery, pembentangan tersebut telah disampaikan oleh Presiden Majlis Olimpik Malaysia (OCM) Tan Sri Tunku Imran Tuanku Ja'afar.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=683462>

